

## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

S.A. 2017/09/57 (HQ)

### **TNB MAHU REBUT PELUANG UNTUK MEMACU ASPIRASI RE MALAYSIA**

- **ingin pacu agenda RE negara**
- **mahu jadi peneraju RE Asean**
- **telah mengambil alih hampir 600MW aset RE di United Kingdom, Turki dan India**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhasrat untuk mengambil langkah lebih aktif bagi mendukung sasaran penjanaaan RE Malaysia berdasarkan kepada daya saing dan keupayaannya di dalam dan luar negara.

Syarikat utiliti nasional itu telah pun menjalinkan beberapa usaha sama dalam negara, merangkumi sebuah stesen penjanaaan biojisim (biomass) di Jengka, Pahang bersama Felda; dua stesen janakuasa biogas di Layang-Layang, Johor dan Bagan Datuk, Perak bersama Sime Darby; dan dua stesen janakuasa biogas di Puchong dan Jeram, Selangor bersama Worldwide Holdings.

Sebagai sebahagian daripada usahanya memacu bisnes RE di luar negara, dalam dua tahun kebelakangan ini TNB telah mengambil alih aset-aset utama solar, angin dan hidro di United Kingdom, Turki dan India, dengan kapasiti penjanaaan terkumpul hampir 600MW.

Kesemua usaha sama dan aset yang diambil alih ini mencerminkan komitmen TNB dalam mengembangkan lagi bisnes RE-nya bagi menerajui RE di Malaysia dan Asean.

Terbaharu, TNB membangunkan Solar Berskala Besar (LSS) berkapasiti 50MW miliknya di Kuala Langat, Selangor, yang merupakan projek LSS pertama seumpamanya di Malaysia. Projek ini adalah sebahagian daripada perniagaan tidak dikawal selia TNB.

Projek LSS yang dibina di atas tapak berkeluasan 98 hektar (lebih 240 ekar) ini menjadi pemangkin kepada aspirasi TNB dalam membangunkan projek-projek RE di Malaysia dan rantau ini.

Apabila siap pada November 2018, ia akan meningkatkan lagi kapasiti penjanaaan RE TNB daripada 23.2MW kepada 73.2MW.

Projek LSS itu dilaksanakan oleh anak syarikat milik penuh TNB iaitu TNB Sepang Solar Sdn Bhd yang telah memeterai Perjanjian Pembelian Tenaga Solar (SPPA) dengan TNB pada awal Mac lalu untuk tempoh 21 tahun.

Pembiayaan dan keperluan modal kerja berjumlah RM348 juta bagi projek itu telah diperolehi TNB Sepang Solar daripada Affin Islamic Bank pada 19 Julai lalu.

Projek LSS itu akan memberi manfaat kepada penduduk sekitar menerusi peluang-peluang pekerjaan ketika ia dibangunkan dan kemudiannya akan memberi pendedahan kepada masyarakat, khususnya para pelajar mengenai teknologi solar dan operasi projek penjanaan solar.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, 17 September 2017 pada 11.00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) / Samsul Ariffin Zainuddin (019-3232746) atau e-mail ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*